

20/07/1997

Malaysia tingkat hubungan dengan Jepun

Manja Ismail in Toyoma (Jepun)

TOYOMA (Jepun): Malaysia mahu meningkatkan hubungan dengan Jepun khususnya dalam bidang perdagangan di peringkat wilayah di negara itu.

Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad yang memulakan lawatan kerja empat hari ke Jepun berkata, hubungan erat sama ada antara kerajaan atau usahawan kedua-dua negara tidak seharusnya terbatas di peringkat Kuala Lumpur-Tokyo.

"Jepun sebuah negara yang besar dan mempunyai pelbagai kegiatan. Kerana itu, kita bukan saja perlu ada hubungan dengan Bandar Raya Tokyo tetapi perlu diperluaskan ke peringkat wilayah," kata Perdana Menteri dalam ucapannya pada jamuan tengah hari oleh Gabenor Wilayah Toyama, Yataka Nakaoki, semalam.

Toyama, selain pengeluar beras terbesar di Jepun juga terkenal dengan industri kecil dan sederhana. Wilayah ini juga menempatkan kilang zip dan peralatan farmasi terbesar di Jepun.

Dr Mahathir yang ditemani Duta Malaysia ke Jepun, Tan Sri HM Khatib tiba dari Okayama, kira-kira sejam penerbangan, pagi semalam. Beliau tiba di Kobe Jumaat lalu dan melakukan lawatan peribadi sehari ke wilayah itu sebelum berlepas ke Wilayah Okayama, tempat beliau menginap petang kelmarin.

Setibanya di sini, Dr Mahathir melawat Mitsuoka Car Co Ltd, yang mengeluarkan kereta antik dan sport menggunakan enjin Nissan dan Mazda. Beliau menghabiskan kira-kira dua jam termasuk memandu kereta sport keluaran kilang itu dan mendengar taklimat presiden syarikat itu, Susumu Mitsuoka.

Perdana Menteri berkata, walaupun masih bercuti, beliau membuat lawatan itu untuk mengenali lebih dekat wilayah tertentu di Jepun serta pentadbirannya bagi mengeratkan hubungan kedua-dua negara.

Sebelum berlepas pulang ke Okayama, Dr Mahathir melawat Kurobe Kyokoku Railway Co di Kurobe, kira-kira 80 kilometer dari Kayama.

Selain menjadi pembekal tenaga elektrik terbesar di wilayah ini, Kurobe ialah destinasi pelancongan dengan kereta api gunung Chitetsu dan kolam air panas semula jadinya.

(END)